

17/01/2001

Anna & The King popularkan Pantai Kok

Wan Jailani Abd Razak

LANGKAWI: Istana Musim Panas di Pantai Kok, di sini, ketika ini menerima purata 150 pelancong sehari, menjadikan ia antara tempat pelancongan popular untuk dilawati di pulau peranginan ini.

Kebanyakan pengunjung tertarik untuk singgah kerana lokasi berkenaan adalah antara lima set yang pernah digunakan bagi penggambaran filem keluaran 20th Century Fox, Anna & The King, antara 30 Mac hingga 18 April tahun lalu.

Pengarah Summer Palace Langkawi, Raja Sharif berkata, Istana Musim Panas atau lebih dikenali Summer Palace adalah satu-satunya set yang dikekalkan untuk dijadikan produk baru pelancongan di Langkawi.

Menurutnya, idea mengekalkan set penggambaran di tanah milik Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) itu mendapat izin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu melihat Langkawi terus menjadi antara destinasi pelancongan utama negara dan rantau ini.

"Pembinaan semula Summer Palace dimulakan pada 15 Februari dan siap pada 30 Mac lalu. Ia adalah tiruan kepada struktur dan hasil kombinasi seni bina bangunan asal yang banyak terdapat di Bangkok, Chieng Mai dan Ayuthia.

"Set berkenaan sebelum itu terbiar selama dua bulan dan dijangka hanya dapat bertahan sebulan lagi untuk runtuh," katanya ketika ditemui di Summer Palace, Pantai Kok, baru-baru ini.

Summer Palace yang menempatkan bangunan dan laman utama, jeti, bilik pelbagai guna serta dapur itu dikendalikan pengurusnya, Tengku Jesceedza Ku Khalid.

Raja berkata, kos menyiapkan bangunan utama itu bernilai RM1.5 juta manakala RM500,000 lagi dibelanjakan untuk membina pondok pengawal, tandas, dapur dan sebuah kedai cendera hati.

Pembinaan itu, katanya, siap sepenuhnya dalam tempoh enam bulan dan dibuka kepada pelancong pada 15 April lalu. Ia dibuka setiap hari bermula jam 10 pagi hingga jam 6 petang.

Filem Anna & The King arahan Andy Tennant itu dibintangi Chow Yun Fat sebagai Raja Mongkut dan Jodie Foster sebagai guru bahasa Inggeris, selain pelakon tempatan seperti Deanna Yusoff, Mano Maniam, Afdlin Shauki, Shanthini Venugopal dan Dharma Harun.

Pelancong dari Terengganu, Abdul Mobeen Omar, 35, berkata dia berpuas hati dengan lawatannya ke Summer Palace kerana dapat melihat set penggambaran Anna & The King dengan lebih dekat.

Menurutnya, pengunjung akan berasa seperti berada pada zaman pemerintahan Raja Mongkut di Thailand sebaik berada di dalam istana berkenaan kerana ia memperlihatkan kostum yang digunakan ketika itu.

(END)